

# PERATURAN PENGIKLANAN DI BAWAH AKTA AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA 2007 (AKTA 679)

## 1.0 PENGENALAN

Peraturan Pengiklanan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) ini disediakan bagi membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) menyediakan iklan mengikut peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pengiklanan di bawah Seksyen 97, Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) dan Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997.

Logo MQA telah didaftarkan dan diberikan Sijil Pendaftaran Cap Dagangan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997. Tempoh sah laku pendaftaran adalah selama 10 tahun iaitu mulai 21 Oktober 2016 sehingga 21 Oktober 2026.

## 2.0 OBJEKTIF

Objektif Peraturan Pengiklanan MQA adalah :

(a) sebagai rujukan kepada PPT agar :

- i. bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang iklan yang dikeluarkan di media massa;
- ii. memastikan iklan berkenaan mendapat kelulusan daripada MQA terlebih dahulu;
- iii. tidak mengeluarkan iklan yang mengandungi pernyataan palsu, tidak pasti, mengaburi mata atau mengelirukan orang awam;

(b) sebagai rujukan kepada MQA yang mengawal selia pengiklanan oleh PPT berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa; dan

(c) memberi panduan dan maklumat kepada orang awam untuk memilih program yang ditawarkan oleh mana-mana PPT yang telah diberi Perakuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh oleh MQA.

### 3.0 DEFINISI

Bagi tujuan peraturan ini, definisi-definisi berikut adalah terpakai :

#### 3.1 Iklan

Termasuk apa-apa bentuk iklan menggunakan nama MQA berupa ucapan, tulisan, bunyian, lakaran atau gambar yang diterbitkan melalui:

- (a) Pameran atau penyiaran notis;
- (b) Penggunaan media cetak seperti akhbar, majalah atau bahan-bahan bercetak seperti katalog, senarai harga, surat pekeliling, label, kad atau dokumen atau bahan lain;
- (c) Gambar atau gambar foto;
- (d) Apa-apa bentuk komunikasi elektronik kepada orang awam seperti radio, televisyen atau telekomunikasi atas talian; atau
- (e) Apa-apa cara yang lain.

#### 3.2 Iklan palsu atau mengelirukan

Iklan yang mengandungi maklumat yang tidak tepat atau tidak benar atau yang menimbulkan keraguan dalam bentuk perlakuan, representasi, pernyataan atau amalan yang boleh menyebabkan, mempengaruhi atau mendorong seseorang melakukan kesilapan dalam membuat keputusan memilih program di PPT tersebut dengan niat untuk mendapatkan keuntungan.

#### 3.3 Pengguna

Orang yang mendapat faedah secara langsung daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPT.

#### 3.4 Pengiklan

Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa bentuk perantaraan sama ada bercetak atau elektronik untuk mengiklankan program dengan menggunakan nama MQA dalam iklan yang ditawarkan termasuklah :

- (a) PPT;
- (b) Pihak ketiga termasuklah konsultan agensi pengiklanan; atau
- (c) Mana-mana orang yang terlibat dalam usaha penyebaran iklan tersebut.

## 4.0 PENGGUNAAN NAMA SERTA LOGO MQA

- 4.1 Tidak ada PPT yang boleh menggunakan nama MQA dan logo MQA di atas program yang ditawarkan bagi tujuan mempromosikan program menerusi iklan melainkan telah mendapat kebenaran bertulis daripada MQA.
- 4.2 Nama dan logo MQA bagi tujuan pengiklanan program hanya boleh digunakan bagi :
- 4.2.1 program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi MQA yang masih sah dalam tempoh akreditasi.
  - 4.2.2 program-program PPT berstatus swaakreditasi yang telah diakredit.
  - 4.2.3 membawa maksud sesuatu PPT telah memperoleh status sebagai Pusat Penilaian APEL (C).

- 4.3 Pengiklan tidak dibenarkan menggunakan nama serta logo MQA di dalam iklan dengan tujuan untuk mengelirukan pengguna.

Contoh : PPT mempunyai lima (5) cawangan tempat pengajian dan hanya satu (1) daripada cawangan tersebut di mana programnya telah mendapat Perakuan Akreditasi daripada MQA. Penggunaan logo MQA dalam iklan PPT tersebut menggambarkan seolah-olah kesemua program yang ditawarkan di PPT tersebut telah mendapat Perakuan Akreditasi daripada MQA. Ini adalah mengelirukan dan tidak dibenarkan.

- 4.4 Sekiranya iklan melibatkan institusi rakan kerjasama dalam atau luar negara, logo PPT hendaklah lebih besar daripada logo institusi tersebut.
- 4.5 Pengiklan hendaklah bertanggungjawab memberhentikan penggunaan nama serta logo MQA pada iklannya sekiranya :
- (a) Tempoh sah laku Perakuan Akreditasi bagi mana-mana program dalam iklan tersebut telah tamat;
  - (b) Mana-mana program dalam iklan yang diluluskan oleh MQA telah dibatalkan perakuan akreditasi; atau
  - (c) Perakuan pendaftaran PPT yang mengiklan atau yang diiklankan telah dibatalkan di bawah peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) atau mana-mana Akta berkaitan.

- 4.6 PPT hendaklah memohon kelulusan MQA bagi iklan untuk tujuan selain mempromosikan program yang ditawarkan dengan menyertakan contoh iklan tersebut untuk penilaian dan keputusan MQA.

## 5.0 PROSEDUR PENGIKLANAN

### 5.1 Penggunaan Bahasa dalam iklan

Bahasa Kebangsaan hendaklah diutamakan dalam iklan. Bahasa-bahasa lain jika digunakan hendaklah memberi maksud dan maklumat yang sama.

### 5.2 Program pengajian perlulah mengandungi maklumat berikut :

- (a) Iklan PPT hendaklah memaparkan maklumat **nama program dan kod program** yang telah diluluskan serta diberi Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh oleh MQA;
- (b) Menggunakan pernyataan yang jelas dan tepat bagi menggambarkan status Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan selain daripada kedua-duanya agar tidak mengelirukan pengguna; dan
- (c) Sekiranya PPT ingin mengiklankan program yang ditawarkan, hanya program yang mendapat kelulusan pengendalian dari pihak berkuasa meluluskan serta diberi Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh oleh MQA di sesuatu cawangan sahaja dibenarkan. Program selain daripada itu tidak dibenarkan untuk diiklankan.

Contoh :

**Bachelor of Physiotherapy (Hons) - MQA/PA01972**  
**Diploma Kejururawatan – MQA/FA01087**

### 5.3 Permohonan penggunaan nama MQA dan logo MQA bagi tujuan pengiklanan

Mana-mana PPT yang ingin mengiklankan program-program yang ditawarkan hendaklah mematuhi keperluan seperti berikut :

- (a) PPT perlulah mendapat kebenaran daripada MQA sekiranya ingin menggunakan nama MQA dan logo MQA bagi tujuan mempromosikan program yang ditawarkan;

- (b) PPT juga dikehendaki mengemukakan satu salinan akhir iklan sebagai rekod sebelum iklan tersebut disiarkan; dan
- (c) Nama MQA dan logo MQA harus digunakan dengan penuh tanggungjawab oleh PPT setelah diluluskan dan rekabentuknya tidak boleh diubahsuai sewenang-wenangnya.

## 6.0 KETIDAKPATUHAN

- 6.1 Oleh kerana logo MQA telah didaftarkan dan diberikan Sijil Pendaftaran Cap Dagangan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1997, MQA secara rasminya mempunyai hak eksklusif terhadap logo MQA dan berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap sebarang penggunaan logo MQA tanpa kebenaran bertulis daripada MQA.
- 6.2 MQA berhak untuk menghalang mana-mana pengiklan yang menyalahgunakan nama dan logo rasmi MQA atau menghentikan penggunaan yang memudaratkan MQA, menyalahi undang-undang atau dianggap bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya sebagai sebuah badan jaminan kualiti
- 6.3 Eksploitasi atau penggunaan nama dan logo rasmi MQA tanpa kebenaran bertulis untuk bagi tujuan mengaut keuntungan adalah dianggap tidak sah di sisi undang-undang. Oleh yang demikian MQA berhak mengambil tindakan undang-undang di bawah peruntukan yang sedia ada.
- 6.4 Tindakan undang-undang boleh diambil ke atas pengiklan yang didapati telah menyebabkan pengguna terpedaya kerana didorong oleh iklan yang palsu atau mengelirukan.
- 6.5 Kesalahan dan penalti berhubung dengan pengiklanan adalah seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) seperti berikut :

Seksyen	Kesalahan	Hukuman/Penalti
97	Larangan Pengiklanan, dsb.  (1) Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai atau mempromosikan sesuatu pemberi pendidikan tinggi	Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus

	<p>yang menyediakan program diakredit atau memberikan kelayakan diakredit, sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya, melainkan jika pemberi pendidikan tinggi itu diakredit di bawah Akta ini.</p> <p>(2) Tiada seorang pun boleh mempromosikan suatu program sebagai program diakredit, sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya, melainkan jika program itu telah diakredit di bawah Akta ini.</p>	<p>ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tida tahun atau kedua-duanya.</p>
--	--	--

## 7.0 PEMAKAIAN

Peraturan Pengiklanan MQA ini terpakai bagi pengiklan yang membuat promosi berkaitan program-program pengajian yang ditawarkan di Malaysia kepada pengguna di dalam atau di luar negara.

## 8.0 SEMAKAN SEMULA

MQA berhak membuat pindaan ke atas Peraturan Pengiklanan MQA ini dari semasa ke semasa.

## 9.0 TARIKH KUATKUASA

Peraturan Pengiklanan MQA ini berkuatkuasa mulai 10 Mei 2019.